PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2015

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global sederhana

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2015. Ekonomi maju terus mencatat peningkatan yang sederhana walaupun kadar pertumbuhan terus dipengaruhi kesan buruk berkaitan krisis, termasuk keberhutangan yang tinggi dan kelemahan pasaran pekerja. Di Asia, aktiviti ekonomi terus disokong oleh permintaan dalam negeri dalam keadaan prestasi eksport yang lemah. Perbezaan dalam pendirian dasar monetari adalah lebih ketara berikutan cabaran dalam negeri bersifat khusus yang berbeza-beza antara negara.

Pasaran kewangan global terus tidak menentu pada suku keempat. Sentimen pelabur pada awal suku keempat didorong oleh jangkaan dasar monetari yang terus longgar dalam ekonomi maju dan pengumuman tentang pelonggaran selanjutnya dalam dasar monetari oleh beberapa bank pusat Asia, termasuk People's Bank of China (PBOC). Namun, peningkatan ketidaktentuan muncul semula pada bulan Disember. Meskipun keputusan Federal Reserve (Fed) AS untuk menaikkan kadar faedah mengurangkan sedikit sebanyak ketakpastian dalam pasaran kewangan, sentimen pelabur lebih banyak dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan global dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun utama. Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketidakpastian yang terus tinggi yang kembali memberikan tekanan ke bawah terhadap harga tenaga global. Berikutan perkembangan ini, sebahagian besar mata wang utama dan serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS menjelang akhir tahun.

Dalam pasaran tenaga, harga minyak mentah Brent menurun dengan ketara kepada purata USD45 setong pada suku keempat (S3 2015: USD51 setong), disebabkan terutamanya oleh lebihan bekalan yang berterusan dalam pasaran minyak berikutan peningkatan yang nyata inventori minyak OECD dan kadar pengeluaran minyak OPEC yang terus tinggi. Pada bulan Disember 2015, harga minyak terus menurun ekoran keputusan OPEC pada bulan itu untuk tidak mengurangkan paras pengeluaran semasanya yang tinggi, dan juga kenaikan kadar dana Fed pada 16 December, yang mencetus pusingan baharu pelupusan kedudukan oleh peniaga dalam pasaran minyak. Akibatnya, harga minyak Brent mencatat paras harga terendah dalam tempoh 11 tahun iaitu USD36 setong pada 22 Disember dan mengakhiri suku keempat pada harga USD37 setong.

Pertumbuhan ekonomi AS menjadi sederhana kepada 1.8% pada suku keempat (S3 2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih perlahan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna masih menjadi penyumbang utama pertumbuhan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus menggalakkan. Sementara itu, pertumbuhan dalam pelaburan tetap menjadi sederhana, apabila perbelanjaan modal perindustrian dan berkaitan komoditi yang rendah mengimbangi peningkatan pelaburan kediaman. Pada asas tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan keseluruhan menjadi perlahan kepada 0.7% (S3 2015: 2.0%). Inflasi meningkat kepada 0.5% pada suku keempat (S3 2015: 0.1%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos perkhidmatan tempat tinggal dan penjagaan perubatan.

Ekonomi di kawasan euro mencatat pertumbuhan pada kadar 1.5% (S3 2015: 1.6%) Pada asas suku tahunan, momentum pertumbuhan kekal pada 0.3%, disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam aktiviti ekonomi dalam ekonomi teras, khususnya Jerman dan Sepanyol. Permintaan dalam negeri di dalam rantau ini disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang beransur-ansur bertambah baik dan keadaan monetari

yang akomodatif. Inflasi kekal pada kadar yang rendah iaitu 0.1% pada suku keempat, manakala inflasi teras meningkat sedikit (1.0%, S3 2015: 0.9%).

Aktiviti ekonomi di UK berkembang pada kadar lebih sederhana pada suku keempat (1.9%; S3 2015: 2.1%). Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Inflasi kekal sifar (S3 2015: 0%), apabila kenaikan harga pakaian dan kasut diimbangi oleh penurunan kos makanan.

Pertumbuhan ekonomi Jepun menurun kepada 0.5% (S3 2015: 1.7%). Pada asas tahunan terlaras secara bermusim, aktiviti ekonomi menguncup sebanyak 1.4% (S3 2015: +1.3%). Pertumbuhan terjejas terutamanya oleh kemerosotan yang ketara dalam penggunaan swasta, berikutan pertumbuhan upah yang lemah. Dalam sektor luaran, kemerosotan eksport disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih rendah dari rakan perdagangan utamanya. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) mencatat pertumbuhan positif yang kecil sebanyak 0.1% (S3 2015: -0.1%), manakala inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) kekal pada 0.8%.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
AS	2.5	2.4	2.1	1.8[a]	2.4[a]
Kawasan euro	1.0	0.9	1.6	1.5[p]	1.5[p]
UK	2.8	2.9	2.1	1.9[p]	2.2[p]
Jepun	-1.0	0.0	1.7[d]	0.5[p]	0.4[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pada suku keempat, dasar monetari dalam negara-negara maju kekal akomodatif, walaupun pendirian dasar monetari berbeza-beza antara ekonomi. Di AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Federal (Federal Open Market Committee, FOMC) memutuskan untuk menaikkan julat sasaran bagi Kadar Dana Federal (Federal Funds Rate, FFR) buat kali pertama sejak tahun 2006 sebanyak 25 mata asas kepada 0.25-0.5%. Keputusan ini dibuat berdasarkan pertumbuhan kukuh dalam perbelanjaan isi rumah dan pelaburan tetap perniagaan, serta pasaran pekerja yang nyata bertambah baik sepanjang tahun. FOMC, bagaimanapun, menekankan bahawa pengaturan masa dan kadar pelarasan FFR pada masa hadapan akan dilakukan secara beransur-ansur dan bergantung pada data serta kekal di bawah paras yang telah dijangka dalam tempoh jangka lebih panjang. Sebaliknya, European Central Bank (ECB) menurunkan kadar faedah bagi kemudahan deposit sebanyak 10 mata asas kepada -0.3%, dan melanjutkan program pembelian asetnya bagi pembelian bulanan sebanyak EUR60 bilion selama sekurang-kurangnya enam bulan sehingga akhir bulan Mac 2017. Reserve Bank of New Zealand (RBNZ) turut menurunkan kadar tunai rasmi tanda arasnya sebanyak 25 mata asas kepada 2.50% berikutan kebimbangan yang meningkat tentang pertumbuhan dan inflasi yang lebih rendah. Dalam ekonomi maju lain, bank-bank pusat di Australia, Kanada, Denmark, Norway dan Sweden mengulangi komitmen mereka untuk mengekalkan keadaan monetari yang akomodatif dengan memastikan kadar dasar tidak berubah pada suku tersebut.

Di RR China, pertumbuhan lebih rendah sedikit pada suku keempat (6.8%; S3 2015: 6.9%). Meskipun pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan menurun (8.2%, S3 2015: 8.6%), prestasi sektor tersebut adalah lebih baik berbanding dengan industri sekunder (perindustrian dan pembinaan) (6.1%, S3 2015: 5.8%). Pada suku itu, kerajaan China melaksanakan satu siri langkah dasar yang pelbagai untuk menyokong aktiviti permintaan dalam negeri, termasuk cukai lebih rendah bagi pembelian kereta, pelaburan infrastruktur yang lebih tinggi dan peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor sasaran. Langkah

pelonggaran dasar monetari selanjutnya juga diperkenalkan selepas penurunan mendadak pasaran saham. Walau bagaimanapun, pertumbuhan terus menghadapi gangguan disebabkan oleh lebihan kapasiti dalam industri berat dan pasaran harta tanah, dan sentimen lebih lemah selepas pembetulan dalam pasaran ekuiti China. Sementara itu, inflasi menurun kepada 1.5% (S3 2015: 1.7%) disebabkan harga yang lebih rendah dalam subsektor makanan dan perumahan.

Di Asia, beberapa ekonomi mencatat pertumbuhan yang sederhana. Di Singapura, pertumbuhan bertambah baik kepada 2.0% (S3 2015: 1.8%), disokong oleh peningkatan aktiviti pembinaan dalam sektor awam. Pertumbuhan ekonomi Korea juga meningkat kepada 3.0% pada suku keempat (S3 2015: 2.7%), didorong terutamanya oleh peningkatan penggunaan swasta berikutan aktiviti pelaburan yang berterusan dan prestasi eksport yang lebih teguh. Ekonomi Indonesia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5% (S3 2015: 4.7%), mencerminkan terutamanya peningkatan pelaburan, khususnya dalam infrastruktur dalam keadaan penggunaan swasta yang mampan tetapi eksport yang lebih lemah. Pertumbuhan juga meningkat di Filipina (6.3%; S3 2015: 6.1%), didorong penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih kukuh. Di Thailand, meskipun mengalami penguncupan eksport, aktiviti ekonomi berkembang pada kadar 2.8% (S3 2015: 2.9%), disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang menyeluruh. Sementara itu, di China Taipei, aktiviti ekonomi terus menguncup tetapi pada kadar lebih perlahan sebanyak 0.3% (S3 2015: -0.6%). Penggunaan swasta yang meningkat pada suku keempat diimbangi oleh penguncupan aktiviti pelaburan dan eksport.

Inflasi bagi kebanyakan ekonomi serantau meningkat sedikit pada suku keempat, berikutan kesan yang semakin berkurang daripada penurunan harga tenaga pada akhir tahun 2014. Ekonomi China Taipei tidak lagi menghadapi keadaan deflasi manakala harga merosot pada kadar lebih perlahan di Thailand. Walau bagaimanapun, inflasi menurun di Indonesia apabila kesan langkah rasionalisasi subsidi terhadap harga bahan api reda.

Dalam persekitaran ini, dasar monetari kekal akomodatif di rantau ini dengan beberapa bank pusat menurunkan kadar dasar utama mereka pada suku keempat. Pada bulan Oktober, Monetary Authority of Singapore (MAS) mengurangkan sedikit kadar penambahan nilai julat dasar kadar pertukaran efektif nominal dolar Singapura (Singapore dollar nominal effective exchange rate, S$NEER) berikutan prospek pertumbuhan yang lebih lemah daripada jangkaan. People's Bank of China (PBOC) menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 4.35% dan mengurangkan nisbah keperluan rizab (reserve requirement ratio, RRR) institusi kewangan yang besar sebanyak 50 mata asas kepada 17.5%. Pemberian pinjaman oleh bank kepada PKS dan sektor pertanian juga berkurang sebanyak 50 mata asas lagi untuk RRR masing-masing. Di samping itu, PBOC menghapuskan siling kadar dasar deposit, lantas menambah baik penetapan kadar faedah berorientasikan pasaran. Pada bulan Disember 2015, Central Bank of the Republic of China (Taiwan) menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 12.5 mata asas berikutan prospek pertumbuhan global dan domestik

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	7.2	7.3	6.9	6.8	6.9
Filipina	6.6	6.1	6.1	6.3	5.8
Indonesia	5.0	5.0	4.7	5.0	4.8
Thailand	2.1	0.8	2.9	2.8	2.8
Korea	2.7	3.3	2.7	3.0[a]	2.6[a]
Singapura	2.1	2.9	1.8[d]	2.0[a]	2.1[a]
China Taipei	3.6	3.9	-0.6	-0.3[a]	0.9[a]

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

yang sederhana. Pada bulan yang sama, Bank Indonesia (BI) menurunkan RRR sebanyak 50 mata asas kepada 7.50%. Pada bulan Januari 2016, BI menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 7.25%.

Risiko prospek pertumbuhan global menjadi lebih perlahan masih tinggi. Ini dicerminkan oleh pasaran kewangan yang kembali mengalami turun naik yang meningkat pada minggu-minggu awal tahun 2016, berikutan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama, kejatuhan harga tenaga dan peralihan dasar global. Melangkah ke hadapan, meskipun ekonomi global diunjurkan terus berkembang, pertumbuhan yang dijangka sederhana dan tidak sekata. Kadar pemulihan ekonomi maju utama dijangka kekal sederhana. Sementara itu, meskipun pertumbuhan di Asia dijangka perlahan, permintaan dalam negeri diunjurkan terus menyokong pertumbuhan.